

Malaysia dalam persediaan hasil vaksin

Kuala Lumpur: Malaysia kini dalam persediaan menjadi negara pengeluar vaksin, selepas mengambil kira potensi, langkah terbaik dan pendekatan sejak permulaan pandemik COVID-19.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata usaha itu dimulakan dengan meningkatkan keupayaan membangunkan vaksin dari sudut penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Selain itu, katanya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sudah meluluskan beberapa projek membangunkan vaksin untuk manusia yang dilaksanakan di universiti awam tempatan.

“Projek pertama dijalankan selama 18 bulan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), diketuai Prof Datin Dr Khatijah Yusoff, membabitkan kos bernilai RM2.7 juta.

“Projek kedua dijalankan selama 24 bulan oleh Universiti Ma-

laya, diketuai Prof Dr Sazaly Abu Bakar, membabitkan kos bernilai RM2.22 juta,” katanya dalam soal jawab bersama *BH*, ketika mengulas kelompongan Malaysia dalam penghasilan vaksin.

Khairy menjelaskan, MOSTI Combating COVID-19 Fund (MCCOF) adalah pembiayaan khusus projek Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) bagi memerangi dan mengawal COVID-19, menggunakan peruntukan Dana R&D Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan RMKe-12.

“Penularan COVID-19 di Malaysia sejak akhir Januari 2020 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mulai 18 Mac lalu hingga kini, memberi cabaran dan impak kepada ekosistem pentadbiran dan ekonomi negara.

“Berikutan itu, pelbagai cadangan projek bagi menangani isu COVID-19 sudah diterima dari-

pada agensi berkaitan kerajaan, swasta dan masyarakat umum.

“Skop pembiayaan MCCOF adalah geran 100 peratus dengan kuantum pembiayaan hingga RM3 juta dan tempoh pelaksanaan projek hingga 24 bulan serta dibuka kepada semua rakyat Malaysia,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berkata, dua permohonan di bawah MCCOF diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM4,926,965 setakat Khamis lalu, membabitkan penyelidikan daripada UPM dan UM.

Khairy berkata, proses R&D amat penting dan Malaysia mempunyai banyak kepakaran yang boleh membangunkan vaksin.

“Namun, kita memerlukan kesinambungan daripada R&D kepada peringkat komersial. Oleh itu, kita jalinkan kerjasama dua hala dan rundingan dengan negara mempunyai keupayaan

membuat vaksin bagi pemindahan teknologi,” katanya.

Katanya, Malaysia kini berada pada peringkat pelaksanaan proses pembotolan yang disifatkan sangat teknikal, membabitkan pelbagai proses lain yang perlu disemak dan disahkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Beliau berkata, bentuk pemindahan teknologi sedemikian boleh memberi persiapan kepada Malaysia untuk menjadi negara pengeluar vaksin pada masa akan datang.

“Kerajaan sudah mengambil pendekatan untuk berunding dengan syarikat pengeluar vaksin bagi memindahkan teknologi ke Malaysia.

“Oleh itu, kita sudah melihat syarikat Cansino dan Sinovac melakukan proses *fill and finish* di negara ini dan perbincangan bersama Gamaleya bagi menghasilkan vaksin Sputnik V di Malaysia,” katanya.